

D.R. 33/2010

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA 2010

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

3. Penubuhan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
4. Fungsi Lembaga
5. Kuasa Lembaga
6. Keanggotaan Lembaga
7. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
8. Pengosongan jawatan
9. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
10. Meterai perbadanan
11. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
12. Perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga
13. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan dan menghendaki maklumat
14. Mesyuarat dan tatacara Lembaga
15. Setiausaha Lembaga
16. Jawatankuasa Lembaga

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LEMBAGA

Fasal

17. Pelantikan Ketua Pengarah
18. Kewajipan Ketua Pengarah
19. Pegawai dan pekhidmat Lembaga
20. Kuasa memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat
21. Pembayaran faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

22. Kumpulan Wang
23. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
24. Pemeliharaan Kumpulan Wang
25. Kuasa untuk meminjam
26. Deposit dan pelaburan Kumpulan Wang
27. Akaun dan laporan
28. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
29. Tahun kewangan

BAHAGIAN V

BALAI SENI VISUAL NEGARA

30. Penubuhan Balai Seni Visual Negara
31. Pelupusan karya seni visual daripada Balai
32. Pertukaran karya seni visual
33. Pelupusan karya seni visual yang ditinggalkan dengan Balai

BAHAGIAN VI

AM

34. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
35. Perlindungan daripada liabiliti diri

Fasal

36. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
37. Pekhidmat awam
38. Pindaan Jadual

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

39. Pemansuhan dan pembubaran
40. Pemindahan kuasa, dsb.
41. Pemindahan harta
42. Kontrak sedia ada
43. Penerusan prosiding sivil dan jenayah
44. Pemindahan Kumpulan Wang
45. Penerusan pegawai dan pekhidmat

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan Balai Seni Visual Negara, untuk mengadakan peruntukan bagi pemerolehan, pemeliharaan, pameran dan pemajuan karya seni visual di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, untuk memansuhkan Akta Balai Seni Lukis Negara 1959, untuk membubarkan Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Balai” termasuklah suatu cawangan Balai Seni Visual Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 30;

“koleksi seni visual negara” dan “koleksi negara” ertinya semua karya seni visual yang diperoleh oleh Lembaga;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Seni Visual Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 22;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“memperoleh” termasuklah memperoleh dengan cara pembelian, pemindahan, pemberian, pertukaran, hadiah, penyelesaian atau selainnya;

“pegawai Lembaga” termasuklah Ketua Pengarah;

“pengendali seni visual” ertinya mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perniagaan atau pengendalian seni visual;

“seni visual” ertinya seni yang dihasilkan daripada bahan tara, teknik, proses atau teknologi yang sesuai, yang menarik kepada deria visual dan wujud dalam bentuk kekal;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

BAHAGIAN II**LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA****Penubuhan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara**

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara” ditubuhkan.

(2) Lembaga adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Lembaga boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik, atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan dengan, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Lembaga.

Fungsi Lembaga

4. Fungsi Lembaga adalah—

- (a) untuk membuat syor kepada Menteri mengenai dasar, kaedah, langkah dan strategi yang hendaklah diterima pakai bagi memajukan, memupuk dan memudahkan pembangunan seni visual di Malaysia;
- (b) untuk menubuhkan, mengendalikan dan menyenggarakan Balai;
- (c) untuk membeli atau memperoleh apa-apa karya seni visual;
- (d) untuk memelihara objek seni visual di dalam Balai;
- (e) untuk mengekalkan standard dan mutu seni visual;
- (f) untuk memberikan bantuan dalam bentuk kewangan atau selainnya kepada pengendali seni visual di Malaysia;
- (g) untuk mendaya usahakan aktiviti sama ada dengan atau tanpa penyertaan pengendali seni visual ke arah pemajuan pembangunan seni visual di Malaysia;
- (h) untuk memajukan, membantu dan menyelaraskan aktiviti pengendali seni visual;

- (i) untuk memberikan sokongan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sokongan kewangan, nasihat dan maklumat, kepada mana-mana orang, organisasi atau institusi ke arah pemajuan pembangunan seni visual di Malaysia;
- (j) untuk menjalankan aktiviti bagi maksud merangsang minat orang ramai dalam seni visual, memajukan pengetahuan, penghayatan dan amalan dalam seni visual dan memperbaiki standard dalam seni visual; dan
- (k) untuk bertindak atas apa-apa sifat atau peranan ke arah pemajuan pembangunan seni visual di Malaysia.

Kuasa Lembaga

5. (1) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk mengambil khidmat perunding, melantik ejen dan wakil;
- (b) untuk memegang apa-apa karya seni visual atas amanah;
- (c) untuk menyediakan skim latihan dan kemudahan latihan, untuk mengawal dan mengawasi pelaksanaan projek dan program latihan yang berhubungan dengan pembangunan atau pemajuan seni visual di Malaysia;
- (d) untuk mengambil khidmat apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri;
- (e) untuk mengurus dan mengawal Balai dan bagi maksud itu boleh mengambil khidmat apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat untuk mengendalikan Balai, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri;
- (f) untuk mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut dikenakan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana pameran yang diadakan di Balai atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Balai;

- (g) untuk meminjamkan apa-apa objek kepunyaan Balai kepada mana-mana galeri, muzium atau pameran atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga;

Dengan syarat bahawa kelulusan secara bertulis daripada Menteri hendaklah diperoleh terlebih dahulu jika galeri, muzium atau pameran itu terletak di luar Malaysia;

- (h) dengan persetujuan bertulis Menteri, dan tertakluk kepada apa-apa sekatan yang boleh dikenakan oleh Menteri, untuk melabur, meminjam wang atau menggadaikan apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan terhadapnya yang terletak hak pada Lembaga, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga;
- (i) untuk menyediakan perkhidmatan berhubung dengan seni visual termasuk menjalankan siasatan dan memberikan nasihat; dan
- (j) untuk melakukan semua perkara yang semunasabahnya perlu bagi pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang dibuat oleh Menteri dari semasa ke semasa, hendaklah mempunyai kuasa untuk menyertai dan menggalakkan penyertaan dalam projek kerjasama antarabangsa yang penyertaannya didapati oleh Lembaga adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Keanggotaan Lembaga

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan seni visual, atau wakilnya;

- (c) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, atau wakilnya; dan
- (d) tidak kurang daripada lima tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri yang separuh daripadanya hendaklah merupakan artis pengamal atau ahli akademik dalam bidang seni visual yang pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pembangunan seni visual.

(2) Seseorang anggota Lembaga yang dilantik oleh Menteri hendaklah, melainkan pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan atau dia terlebih dahulu meletakkan jawatan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Anggota Lembaga hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

7. (1) Pelantikan mana-mana anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(a) atau (d) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(2) Seseorang anggota yang dilantik oleh Menteri boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang dialamatkan kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

8. Jawatan seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(a) atau (d) hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

9. (1) Jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(2) Seorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, dalam tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

(3) Apabila mana-mana orang terhenti menjadi anggota Lembaga oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan yang terpakai.

Meterai perbadanan

10. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi apa-apa lambang yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan “Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarah atau orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen ini, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa, dan apa-apa dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

11. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan dan menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga

12. (1) Lembaga boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya kepada Pengerusi atau mana-mana anggota lain atau kepada mana-mana pegawai Lembaga, selain kuasa

untuk membuat perundangan subsidiari, kuasa untuk meminjam wang dan kuasa yang berhubung dengan hal-hal pentadbiran dan operasi Lembaga.

(2) Orang yang diwakilkan dengan kuasa sedemikian adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan atau dijalankan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan dan menghendaki maklumat

13. (1) Menteri boleh memberi Lembaga apa-apa arahan bersifat am yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah menguatkuasakan arahan itu.

(2) Lembaga hendaklah memberikan kepada Menteri apa-apa maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Lembaga sebagaimana yang dikehendakinya dari semasa ke semasa.

Mesyuarat dan tatacara Lembaga

14. (1) Lembaga hendaklah mengadakan apa-apa bilangan mesyuarat sebagaimana yang perlu bagi memenuhi fungsinya dengan sewajarnya.

(2) Pengerusi Lembaga atau orang yang dilantik untuk menjalankan fungsi Pengerusi menurut subseksyen 9(1) hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Lembaga.

(3) Jika pada mana-mana mesyuarat Lembaga Pengerusi mahupun orang yang dilantik menjalankan fungsi Pengerusi menurut subseksyen 9(1) tidak hadir, anggota yang hadir hendaklah melantik seorang daripada kalangan anggota yang hadir itu untuk menjadi pengerusi mesyuarat.

(4) Tiap-tiap persoalan dalam mesyuarat Lembaga hendaklah ditentukan secara undi majoriti anggota yang hadir, dan dalam hal terdapat bilangan undi yang sama banyak, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Lembaga boleh bertindak walaupun ada satu atau lebih kekosongan jawatan di kalangan anggotanya.

(6) Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga boleh menentukan tataranya sendiri.

(7) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga ialah lima orang.

Setiausaha Lembaga

15. Ketua Pengarah hendaklah menjadi setiausaha kepada Lembaga.

Jawatankuasa Lembaga

16. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(5) Lembaga boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pengerusi Lembaga.

(7) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(9) Lembaga boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan—

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya hendaklah dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah, jika telah ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(13) Tiap-tiap mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang berkenaan dengan perjalanannya minit telah dibuat mengikut subseksyen (11) dan (12) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(14) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya, bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(15) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(16) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, sesuatu jawatankuasa; atau
- (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

BAHAGIAN III

PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LEMBAGA

Pelantikan Ketua Pengarah

17. (1) Menteri boleh melantik seorang Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini dan bagi penjalanan berkesan hal ehwal Lembaga.

(2) Terma dan syarat pelantikan Ketua Pengarah hendaklah ditentukan oleh Menteri.

(3) Jika Ketua Pengarah tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain untuk melaksanakan kewajipan Ketua Pengarah semasa ketidakhadiran atau ketidakupayaan sementara itu.

Kewajipan Ketua Pengarah

18. Ketua Pengarah hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi pengurusan hal ehwal Lembaga tertakluk kepada arahan dan mengikut dasar yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan Lembaga;

- (c) menjalankan pengawasan dan kawalan ke atas semua pegawai dan pekhidmat lain Lembaga; dan
- (d) melaksanakan apa-apa kewajipan dan menjalankan apa-apa kuasa yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa atau sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi.

Pegawai dan pekhidmat Lembaga

19. (1) Lembaga hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat Lembaga sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk merangka dan mengawal selia tatacara pelantikan pegawai dan pekhidmatnya.

(3) Seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga hendaklah memegang jawatannya selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(4) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

Kuasa memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat

20. Lembaga boleh memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga.

Pembayaran faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain

21. Lembaga boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pegawai dan pekhidmatnya dan orang tanggungan mereka, apa-apa faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Kumpulan Wang

22. (1) Bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Seni Visual Negara” yang ditadbir dan dikawal oleh Lembaga ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah yang diperuntukkan setiap tahun oleh Parlimen bagi maksud Akta ini;
- (b) apa-apa jumlah yang dibayar kepada Lembaga dari semasa ke semasa untuk pinjaman yang dibuat oleh Lembaga;
- (c) wang yang diterima oleh Lembaga sebagai derma, pemberian walau apa pun cara diterima atau wang yang diperoleh daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai oleh Kumpulan Wang;
- (d) wang yang diperoleh atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Lembaga;
- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (g) wang yang dikutip oleh Lembaga di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan yang ditentukan dalamnya sebagai wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang; dan
- (h) segala jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang

23. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain Pengerusi, anggota Lembaga, Ketua Pengarah, anggota Jawatankuasa, pegawai dan pekhidmat yang dilantik dan diambil khidmat oleh Lembaga, termasuk faedah persaraan, pencen dan ganjaran;
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan berhubung dengan pengurusan dan kawalan ke atas Balai yang dilakukan atau disetujui terima dengan sah oleh Lembaga;
- (d) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sah oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (e) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah perenggan 22(2)(f) dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (f) memberikan pinjaman dan pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat Lembaga di bawah seksyen 20; dan
- (g) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

24. Menjadi kewajipan Lembaga untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Lembaga mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Kuasa untuk meminjam

25. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam pada apa-apa kadar bunga dan selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya di bawah Akta ini.

Deposit dan pelaburan Kumpulan Wang

26. Lembaga boleh, dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu oleh Menteri dan Menteri Kewangan—

- (a) menyimpan, sama ada dalam deposit tetap atau akaun semasa, apa-apa wang yang tidak dilaburkan buat sementara waktu di mana-mana bank di Malaysia yang memegang lesen yang sah di bawah peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] atau Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*]; atau
- (b) melabur dalam sekuriti Kerajaan atau sekuriti lain wang Kumpulan Wang yang tidak diperlukan serta-merta untuk dibelanjakan di bawah Akta ini.

Akaun dan laporan

27. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan disimpan akaun Kumpulan Wang dan laporan yang sepatutnya tentang aktiviti Lembaga dan hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Lembaga yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu penyata aktivitinya.

(2) Lembaga hendaklah dengan secepat yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun dan penyata aktiviti yang disebut dalam subseksyen (1) yang diperakui oleh juruaudit dan satu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Dewan Parlimen.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

28. (1) Perbelanjaan Lembaga sehingga apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan, bagi tahun yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Lembaga amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(4) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

Tahun kewangan

29. Tahun kewangan Lembaga hendaklah bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

BAHAGIAN V

BALAI SENI VISUAL NEGARA

Penubuhan Balai Seni Visual Negara

30. (1) Maka dengan ini ditubuhkan suatu Balai Seni Visual Negara yang hendaklah diuruskan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menubuhkan dan menyenggara apa-apa cawangan Balai Seni Visual Negara di mana-mana tempat di Malaysia sebagaimana yang Lembaga fikirkan perlu bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini.

(3) Semua koleksi seni visual negara hendaklah disimpan di Balai.

(4) Balai boleh, bagi pihak Lembaga—

- (a) mempamerkan, memajukan atau menjadikan tersedia bagi pameran, karya seni visual daripada koleksi seni visual negara atau koleksi orang lain;
- (b) menyediakan maklumat tentang seni visual;
- (c) membangunkan dan menyenggarakan suatu koleksi karya seni visual negara;
- (d) memberi nasihat tentang pemeliharaan seni visual;
- (e) membuat perkiraan atau membantu dalam penyelidikan perkara-perkara yang berkaitan dengan seni visual;
- (f) menjual atau menukarkan apa-apa karya seni visual, atau mempamerkan koleksi seni visual peribadi yang di bawah jagaan dan kawalan Lembaga;
- (g) menubuhkan dan menyenggarakan kemudahan bagi pembelian oleh orang awam buku, kertas, cetakan, poskad, reproduksi, replika, bahan promosi dan barang lain yang berkaitan dengan karya seni visual di Balai.

Pelupusan karya seni visual daripada Balai

31. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika Lembaga berpuas hati bahawa sesuatu karya seni visual dalam koleksi negara—

- (a) tidak layak dijadikan koleksi negara; atau
- (b) tidak diperlukan sebagai sebahagian daripada koleksi negara,

Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melupuskan karya itu melalui jualan, hadiah atau pemusnahan.

(2) Sesuatu karya seni visual tidak boleh dilupuskan secara pemusnahan melainkan Lembaga berpuas hati bahawa karya itu tidak mempunyai nilai jualan.

(3) Pelupusan mana-mana karya seni visual di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan oleh Balai.

Pertukaran karya seni visual

32. (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa suatu pertukaran karya seni visual dalam koleksi negara dengan suatu karya seni visual lain akan memberikan kelebihan kepada koleksi, maka Balai boleh membuat pertukaran melalui suatu perjanjian.

(2) Perjanjian yang disebut dalam subseksyen (1) boleh termasuk suatu aku janji oleh satu pihak untuk membayar suatu amaun kepada pihak yang satu lagi bagi mengiktiraf perbezaan nilai antara karya seni visual yang hendak ditukarkan.

Pelupusan karya seni visual yang ditinggalkan dengan Balai

33. (1) Jika sesuatu karya seni visual yang tidak diperoleh oleh Balai ditinggalkan di Balai, dan Balai telah memaklumkan kepada Lembaga bahawa karya sedemikian telah tidak diambil semula oleh pemunya bagi tempoh tidak kurang daripada satu bulan tanpa apa-apa sebab, maka Lembaga hendaklah memberikan notis bertulis mengandungi butir-butir karya itu kepada pemilik karya

itu untuk mengambil karya seni itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu yang tidak boleh kurang daripada satu bulan dari tarikh notis itu—

- (a) dengan menghantar notis itu kepada pemunya itu di tempat kediamannya yang terakhir diketahui;
- (b) dengan meninggalkan notis itu di tempat kediaman atau perniagaan pemunya itu yang biasa atau terakhir diketahui, di dalam sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantar notis itu melalui surat berdaftar yang dialamatkan kepada pemunya itu di tempat kediaman atau perniagaannya yang biasa atau yang terakhir diketahui.

(2) Jika pemunya karya itu tidak dapat dipastikan, notis bertulis yang mengandungi butir-butir karya itu hendaklah ditampal di dua bahagian yang mudah dilihat di Balai bagi pemunya karya itu mengambil karyanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu yang tidak boleh kurang daripada satu bulan dari tarikh notis itu.

(3) Jika pemunya itu gagal untuk mengambil karya itu selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, pemunya itu hendaklah disifatkan telah meninggalkan karyanya dan Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk meluluskan supaya karya itu diperoleh bagi koleksi negara atau dilupuskan melalui jualan, pemberian atau pemusnahan.

(4) Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa karya yang diperoleh bagi koleksi negara atau dilupuskan melalui jualan, pemberian atau pemusnahan di bawah subseksyen (3), berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika pemerolehan, pelupusan atau pemusnahan itu dibuat dengan niat jahat.

(5) Semua hasil daripada penjualan mana-mana karya seni visual di bawah seksyen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

BAHAGIAN VI

AM

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

34. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat untuk semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan apa-apa perkara yang dikehendaki di bawah Akta ini untuk ditetapkan;
- (b) menetapkan syarat dan sekatan tentang penggunaan Balai termasuk pengenalan dan kutipan fi dan caj;
- (c) menetapkan cara yang apa-apa perihalan dokumen, cek dan surat cara hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (d) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai dan pekhidmat Lembaga;
- (e) mengadakan peruntukan pada amnya bagi pelaksanaan fungsi, perjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Lembaga di bawah peruntukan Akta ini; dan
- (f) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini.

Perlindungan daripada liabiliti diri

35. Tiada seorang pun anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa, dan tiada pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga, hendaklah menanggung liabiliti diri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam menjalankan kuasa atau kewajibannya di bawah Akta ini, melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh sesuatu perbuatan salah atau peninggalan yang disengajakan oleh dirinya.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

36. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota Lembaga, mana-mana anggota jawatankuasa, mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

37. Seseorang anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa dan mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga semasa menunaikan kewajibannya di bawah Akta ini sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pindaan Jadual

38. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VII**PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN****Pemansuhan dan pembubaran**

39. (1) Akta Balai Seni Lukis Negara 1959 [*Akta 516*] adalah dimansuhkan dan Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara (“Lembaga dibubarkan”) adalah dibubarkan.

(2) Semua pelantikan, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah dan arahan yang dibuat atau yang mempunyai kesan di bawah undang-undang yang dimansuhkan oleh seksyen ini dan yang berkuat kuasa atau mempunyai kesan pada permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, tanpa menjejaskan kuasa Menteri untuk meminda peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau perintah itu atau untuk meminda, membatalkan atau menarik balik arahan

dan tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang perlu untuk menyelaraskan peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah atau arahan dengan Akta ini, terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat, disimpan atau diberikan di bawah Akta ini, sehingga diperuntukkan selainnya di bawah Akta ini.

Pemindahan kuasa, dsb.

40. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, semua kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, tanggungan atau obligasi yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan adalah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, tanggungan atau obligasi Lembaga dibubarkan hendaklah, mulai dari tarikh itu, diturunkan kepada Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Pemindahan harta

41. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mana-mana tanah yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan terletak hak pada Kerajaan Malaysia berkenaan dengan Lembaga dibubarkan, hendaklah, pada tarikh itu, dengan kuasa Akta ini terletak hak pada Kerajaan Malaysia berkenaan dengan Lembaga.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, dan kepada apa-apa arahan Menteri, segala harta dan aset, selain tanah, yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan terletak hak pada Lembaga dibubarkan hendaklah, pada tarikh itu, terletak hak pada Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini.

(3) Maka dengan ini diisytiharkan bahawa mana-mana harta, sama ada harta alih atau harta tidak alih, yang, sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, digunakan bagi maksud yang sebaik selepas tarikh itu menjadi maksud Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini hendaklah, pada tarikh itu, terletak hak pada Lembaga.

Kontrak sedia ada

42. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, dan kepada apa-apa arahan Menteri, segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan dan menyentuh mana-mana harta yang dipindahmilikkan di bawah seksyen 41 hendaklah, pada atau selepas tarikh yang

ditetapkan, mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini dan hendaklah dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah, sebagai ganti Lembaga dibubarkan, Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini telah dinamakan dalamnya atau menjadi pihak kepadanya.

Penerusan prosiding sivil dan jenayah

43. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau apa-apa kausa tindakan yang belum selesai atau wujud sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan oleh atau terhadap Lembaga dibubarkan, boleh, pada atau selepas tarikh yang ditetapkan, diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana yang ia mungkin telah diambil oleh atau terhadapnya seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh yang ditetapkan terhadap sesuatu keputusan yang diberikan dalam mana-mana prosiding undang-undang sebelum tarikh itu bolehlah dibawa oleh atau terhadap Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Pemindahan Kumpulan Wang

44. Segala wang dalam, kepunyaan atau yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang Balai Seni Lukis Negara hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletak hak pada Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini, dipindahkan ke dalam dan disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 22.

Penerusan pegawai dan pekhidmat

45. (1) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan telah diambil khidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga dibubarkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah diambil khidmat oleh Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini.

(2) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan telah diambil khidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga dibubarkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diambil khidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

(3) Jika perubahan dibuat pada dan selepas tarikh yang ditetapkan berkenaan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Lembaga dibubarkan yang disifatkan di bawah subsekyen (1) sebagai telah diambil khidmat oleh Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini, mereka hendaklah diberikan suatu opsyen sama ada untuk terus tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sedia ada atau tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru.

JADUAL

[Subseksyen 6(4)]

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

1. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang menghadiri sesuatu mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Penzahiran kepentingan

2. Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau pengusahaan yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat sesuatu kontrak atau apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hakikat kepentingan dan jenis kepentingannya itu, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangtelitian atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Minit

3. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang berkenaan dengan penjalanannya minit telah dibuat menurut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Kesahan tindakan dan prosiding

4. Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran perenggan 2 oleh anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga

5. Tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajibannya dengan berkesan.

HURAIAN

Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2010 yang dicadangkan (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara” (“Lembaga”) dan untuk menubuhkan Balai Seni Visual Negara bagi menggantikan Balai Seni Lukis Negara, untuk mengadakan peruntukan bagi pemerolehan, pemeliharaan, pameran dan pemajuan karya seni visual di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, untuk memansuhkan Akta Balai Seni Lukis Negara 1959, untuk membubarkan Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan ini mengandungi perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.
6. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga sementara *fasal 4* dan *5* memperkatakan tentang fungsi dan kuasa Lembaga.
7. *Fasal 6* mengandungi peruntukan tentang keanggotaan Lembaga dan tempoh jawatan anggota Lembaga.
8. *Fasal 7* adalah berkaitan dengan pembatalan pelantikan anggota Lembaga dan peletakan jawatan mereka.
9. *Fasal 8* menyatakan keadaan-keadaan yang menjadikan jawatan seorang anggota Lembaga kosong.
10. *Fasal 9* menyatakan hal keadaan yang di bawahnya mana-mana anggota Lembaga boleh dilantik oleh Menteri untuk menjalankan fungsi sementara Pengerusi.
11. *Fasal 10* mengadakan peruntukan tentang meterai perbadanan Lembaga dan cara dalam mana meterai itu hendaklah digunakan dan disimpan.
12. *Fasal 11* membolehkan Lembaga menubuhkan syarikat untuk menjalankan dan menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga.
13. *Fasal 12* mengadakan peruntukan bagi perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga.
14. *Fasal 13* memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan am kepada Lembaga.
15. *Fasal 14* memperkatakan mesyuarat, kuorum, keputusan dan tatacara mesyuarat Lembaga.
16. *Fasal 16* memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantunya melaksanakan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN III

17. Bahagian III mengandungi peruntukan tentang Ketua Pengarah, pegawai dan pekhidmat Lembaga.
18. *Fasal 17* mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pengarah.
19. *Fasal 18* mengandungi peruntukan berkenaan dengan kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah.
20. *Fasal 19* adalah berhubung dengan pelantikan pegawai dan pekhidmat Lembaga. *Subfasal (5)* memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.
21. *Fasal 20* membenarkan Lembaga memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya.
22. *Fasal 21* mengadakan peruntukan bagi pembayaran faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain kepada pegawai, pekhidmat dan orang tanggungan mereka.

BAHAGIAN IV

23. Bahagian IV mengandungi peruntukan kewangan.
24. *Fasal 22* mengadakan peruntukan bagi penubuhan “Kumpulan Wang Seni Visual Negara” (“Kumpulan Wang”).
25. *Fasal 23* menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.
26. *Fasal 24* mengenakan kewajipan ke atas Lembaga untuk memelihara Kumpulan Wang itu sementara *fasal 25* membenarkan Lembaga meminjam wang.
27. *Fasal 26* membenarkan Lembaga menyimpan sama ada dalam deposit tetap atau akaun semasa, apa-apa wang yang tidak dilaburkan buat sementara waktu di mana-mana bank di Malaysia atau untuk melabur dalam sekuriti Kerajaan atau apa-apa sekuriti lain wang Kumpulan Wang yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan serta merta di bawah Akta ini.
28. *Fasal 27* menghendaki Lembaga untuk menyimpan akaun Kumpulan Wang dan laporan yang sepatutnya tentang aktiviti Lembaga dan mengemukakan akaun dan laporan itu kepada Menteri untuk dibentangkan di Parlimen. *Subfasal (3)* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] terpakai bagi Lembaga.
29. *Fasal 28* menghendaki Lembaga untuk menyediakan anggaran perbelanjaannya sementara *fasal 29* mengadakan peruntukan bagi tahun kewangan Lembaga.

BAHAGIAN V

30. Bahagian V mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Balai Seni Visual Negara.
31. *Fasal 30* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Balai Seni Visual Negara dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
32. *Fasal 31* membenarkan Lembaga melupuskan mana-mana karya seni visual dalam koleksi negara jika Lembaga berpendapat bahawa karya tersebut tidak layak untuk koleksi negara atau tidak diperlukan sebagai sebahagian daripada koleksi negara dan pelupusan itu bolehlah dibuat secara jualan, pemberian atau pemusnahan.
33. *Fasal 32* memberi Lembaga kuasa untuk menukar mana-mana karya seni visual dalam koleksi negara dengan yang lain jika difikirkannya patut dan berfaedah berbuat demikian.
34. *Fasal 33* mengadakan peruntukan bagi pelupusan mana-mana karya seni visual yang ditinggalkan dengan Balai dan tidak diperoleh oleh Balai dan cara untuk menguruskannya.

BAHAGIAN VI

35. Bahagian VI mengandungi peruntukan am.
36. *Fasal 34* mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.
37. *Fasal 35* bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada mana-mana anggota Lembaga atau sesuatu jawatankuasa, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga daripada menanggung liabiliti diri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan di bawah Akta yang dicadangkan, melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh suatu perbuatan salah yang diniatkan.
38. *Fasal 36* memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana jawatankuasa, anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga.
39. *Fasal 37* mengadakan peruntukan bahawa tiap-tiap anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*] semasa menunaikan kewajipannya.
40. *Fasal 38* menyatakan bahawa Menteri boleh meminda Jadual melalui suatu perintah.

BAHAGIAN VII

41. Bahagian VII mengandungi peruntukan mengenai pemansuhan, kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat diketahui sekarang ini.

[PN(U²)2575]